



BAB SATU

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Firman Allah S.W.T. :

خَلَقَ اللَّهُوَّاتِ وَالْأَرْضِ أَكْبَرٌ مِّنْ خَلْقِ النَّاسِ وَلَكِنْ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا
يَعْلَمُونَ

1.1 Pengenalan

Manusia diciptakan Allah sebagai makhluk yang terpilih untuk menjadi khalifah mentadbir bumi¹. Pemilihan manusia sebagai khalifah pada mulanya disangskakan oleh para malaikat kerana mereka bimbang manusia akan melakukan kerosakan di dunia dan melakukan pertumpahan darah. Namun Allah menegaskan bahawa Dia lebih mengetahui segala-galanya.

Justeru, selepas Adam turun ke bumi, bermulalah episod kehidupan manusia sebagai khalifah dan pengurus kepada alam. Bumi yang Allah jadikan sebagai kediaman manusia ini ternyata amat luas sekali dan penuh dengan misteri-misteri yang masih belum terjawab hingga ke hari ini.

¹ Perkataan bumi dengan huruf kecil sebagai menunjukkan istilah bumi dengan maksud dunia dan bukannya Bumi sebagai sebuah planet.

Manusia merasakan untuk mengenal diri mereka, asal usul kejadian mereka serta tujuan-tujuan kewujudan mereka, mereka perlu tahu bagaimana kehidupan mereka bermula, iaitu dengan bermulanya alam semesta kediaman mereka. Mereka berpendapat, apabila misteri alam ini dapat dirungkaikan, persoalan-persoalan ini akan terjawab dengan sendirinya.

Dengan itu, sejak dari zaman awal tamadun manusia lagi, pelbagai usaha telah dibuat bagi mencari jawapan kepada persoalan ini. Pada peringkat awal, ketika ilmu sains belum berkembang lagi, ahli-ahli falsafah memainkan peranan dalam membongkar rahsia alam. Tugas mereka kemudianya diambil alih pula oleh para saintis sejarah dengan perkembangan sains dan teknologi.

Namun sejak dari awal tamadun manusia sehingga kini, manusia belum menemukan satu teori atau pendapat yang memuaskan dan boleh diterima ramai tentang apa yang mereka tahu tentang kewujudan alam semesta.² Adakah alam ini ada permulaannya atau adakah ia terjadi secara ~~kabetulan~~ sahaja ?

1.2 Latar belakang masalah

Di dalam dunia yang serba moden dan canggih ini manusia seakan lupa akan asal usul mereka. Saban hari manusia disibukkan dengan urusan-urusan duniawi sehingga kadang-kadang mereka terlupa atau meremehkan hal-hal akhirat. Mereka seakan lupa asal kejadian mereka adalah dari tanah dan akan

² Ron Cowen (2003), "Galaxy Hunters : The Search for Cosmic Dawn", *National Geographic*, Februari 2003

kembali ke tanah juga. Asal kejadian manusia dari setitis air mani yang kotor, menjadi seorang manusia yang sempurna dan hebat menjadikan mereka merasa gah dan sompong. Manusia mendabik dada, kononnya mereka lahir makhluk Allah yang paling agung dan paling hebat. Mereka lupa bahawa alam semesta yang didiami mereka ini akhirnya akan binasa dan hancur seperti juga mereka yang akan hancur dan binasa pada suatu hari nanti.

Ada golongan yang menjadakkan penciptaan alam semesta ini. Menurut mereka, alam ini tiada permulaan dan tiada pengakhiran. Ia terjadi dengan sendirinya secara spontan dan kebetulan sahaja. Alam yang tidak dicipta sudah tentu tiada pencipta. Mereka menafikan segala-gala yang ada di alam semesta ini, termasuk diri mereka sendiri adalah hasil ciptaan Allah Yang Maha Besar. Teori-teori sains hari ini turut disesuaikan agar menyokong pandangan ini.

Melalui kajian ini, penulis cuba mengutarakan pandangan Islam tentang bagaimana alam semesta ini terjadi, apakah tujuan di sebalik kejadiannya serta tentang penciptanya Yang Maha Agung. Kajian ini diharapkan dapat membuka minda umat Islam hari ini khususnya serta memberikan mereka gambaran yang jelas tentang permasalahan ini.

1.3 Pengertian tajuk

Untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang permasalahan yang dibawa oleh disertasi ini, penulis akan menghuraikan pengertian tajuk kajian.

Tajuk kajian ini ialah “*Teori Kewujudan Alam : Satu Kajian Perbandingan Antara Sains Moden dan Al-Qur'an*”.

1.3.1 *Teori*

Pendapat bersifat pandangan yang tidak dapat dibuktikan dengan kukuhnya) yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara dan lain-lain).³

1.3.2 *Kewujudan*

Menurut Kamus Dewan, terdapat tiga maksud bagi perkataan kewujudan.⁴

1. Ada (sesuatu), sedia ada
2. Sesuatu yang ada bentuknya (dapat dilihat, dipegang dan lain-lain)
3. Benda yang nyata (bukan roh dan lain-lain), rupa dan lain-lain yang dapat dilihat; ~~kewujudan~~ : perihal wujud (sesuatu), adanya (sesuatu)

1.3.3 *Alam*

Alam boleh ditakrifkan sebagai⁵

1. Dunia, bumi
2. Segala yang ada dilangit dan di bumi (bumi, bintang-bintang, tenaga-tenaga yang ada, dan lain-lain)

³ Hajah Noresah bt. Baharom., e.d. et. al (1996), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga, C. 2, h. 1423

⁴ *Ibid.*, h. 1552

⁵ *Ibid.*, h. 25

Dengan menggunakan perkataan alam di sini, penulis bermaksud merujuk kepada alam semesta.

1.3.4 *Sains Moden*

Sains moden pula bermaksud⁶

1. Ilmu pengetahuan yang teratur (sistematik) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya
2. Cabang ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata (fizik, kimia, biologi dan lain-lain).

1.3.5 *Al-Qur'an*

Al-Qur'an ialah lafadz yang diturunkan dari sisi Allah S.W.T dengan perantaraan malaikat Jibril kepada Muḥammad bin Abdullah S.A.W yang menjadi mukjizat, tertulis di mashaf-mashaf, dipindahkan kepada kita secara *tawātur* (yang bermaksud bahawa al-Qur'an dipindahkan dari satu golongan yang ramai kepada golongan lain yang ramai, mustahil berlaku pembohongan dari mereka dengan sengaja) dan menjadi ibadat dengan bacaannya.⁷

Penulis bermaksud membuat perbandingan dengan menggunakan al-Qur'an adalah sebagai menyatakan dari sudut pandangan Islam, termasuk para ulama, tentang penciptaan alam semesta.

⁶ *Ibid.*, h. 1169

⁷ Subhi al-Šalīb (1957), *Mabāhit fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Damsyik : Matba'at al-Jamī'at al-Suriyyāt, h. 14

Penulis juga menggunakan tajuk ‘kewujudan alam’ bukannya ‘penciptaan alam’ walaupun jelas apa yang cuba diutarakan di dalam kajian ini ialah bagaimana alam ini diciptakan, sebagai meraikan kebingungan sesetengah golongan, terutamanya yang menolak pandangan keagamaan, yang tidak pasti adakah alam ini terjadi dengan sendirinya atau adakah ia dicipta.

1.4 Tujuan penyelidikan

Di dalam kajian ini penulis menyenaraikan beberapa tujuan ia dilakukan.

- i. Memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat tentang teori-teori alam semesta yang dicipta oleh para saintis dan ahli falsafah sejak dahulu sehingga kini

- ii. Mendedahkan kepada masyarakat tentang fakta-fakta dan penemuan-penemuan terkini di dalam dunia sains tentang alam semesta

- iii. Mendedahkan kepada masyarakat tentang firman-firman Allah tentang alam semesta

- iv. Merumuskan satu teori penciptaan alam semesta menurut pandangan Islam dengan menghuraikan kandungan al-Qur'an

- v. Memberikan satu pegangan kepada umat Islam tentang teori penciptaan alam semesta yang sepatutnya dipegang oleh mereka

- vi. Tidak menerima secara total pendapat-pendapat ahli sains tentang kajian-kajian mereka walaupun kononnya mereka menggunakan teknologi terkini dan alat-alat yang canggih

1.5 Sebab Pemilihan Tajuk

Secara umumnya, masyarakat hari ini termasuk masyarakat Islam sendiri menganggap kajian-kajian sains adalah merupakan satu kajian yang sahih dan tepat. Apatah lagi kajian-kajian ini dikatakan menggunakan teknologi yang paling terkini dan maju. Masyarakat hari ini menganggap setiap penemuan dan fakta yang dikemukakan oleh para saintis adalah suatu perkara yang tidak boleh disangkal dan dibantah.



Masyarakat hari ini umumnya gemar untuk menyesuaikan diri dengan penemuan-penemuan saintifik ini. Kerana inilah, pihak gereja sejak dari dahulu lagi mempunyai banyak percanggahan dengan ahli sains. Ramai di kalangan para saintis yang dihukum oleh pihak gereja kerana mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bertentangan dengan gereja. Akibatnya, ramai sarjana Barat yang menganggap gereja atau agama sebagai penghalang kepada kemajuan. Dengan itu timbulah pelbagai golongan seperti materialis yang menolak kewujudan tuhan

kerana kononnya kepercayaan kcagamaan akan menyebabkan mereka menjadi mundur.

Secara kebetulan (atau mungkin juga tidak) fakta-fakta sains yang terkini didapati mempunyai perfsamaan dengan al-Qur'an. Namun fakta-fakta sains ini mungkin akan berubah pada sedikit masa lagi. Sejarah telah menyaksikan, di dalam teori penciptaan alam semesta ini sendiri, teori-teori baru sentiasa dibuat dan teori-teori lama ditolak dengan terjumpanya penemuan-penemuan terbaru. Apa yang ingin penulis tekankan ialah bukannya kepercayaan kita kepada alatan canggih dunia hari ini, tetapi kebenaran wahyu Allah. Fakta-fakta ini mungkin akan berubah namun kebenaran al-Qur'an akan kekal selama-lamanya. Seharusnya umat Islam mempunyai kepercayaan yang kukuh terhadap kandungan al-Qur'an walaupun mungkin pada suatu hari nanti kenyataannya akan bertentangan dengan penemuan saintifik.

◆◆◆◆◆

1.6 Objektif Dan Kepentingan Kajian

Penulis memilih tajuk ini untuk dibuat kajian kerana pada pandangan penulis ia mempunyai beberapa objektif dan kepentingan yang tersendiri. Objektif dan kepentingan kajian yang menjadi titik tolak kepada penulisan dalam disertasi ini ialah :

1.6.1 Objektif Kajian

- i. Untuk meninjau pendapat-pendapat dan kajian-kajian para ahli falsafah dan saintis tentang penciptaan alam semesta.
- ii. Untuk mengkaji sejauh mana penerimaan masyarakat dari dahulu hingga sekarang tentang teori-teori yang pernah diutarakan.
- iii. Untuk mengkaji sejauh mana faktor-faktor latar belakang masyarakat, kepentingan pihak-pihak tertentu dan sebagainya di dalam memformulasikan teori-teori ini.
- iv. Untuk meninjau pandangan Islam tentang penciptaan alam semesta dengan melihat keterangannya di dalam al-Qur'an dan pandangan-pandangan ulama.

1.6.2 Kepentingan Kajian

- i. Kajian ini penting pada pandangan penulis kerana akidah masyarakat hari ini dilihat semakin rosak dan mereka semakin jauh dari kehidupan beragama yang sebenarnya. Manusia sudah tidak mengaitkan kehidupan dunia mereka dengan kehidupan akhirat kerana menganggap urusan-urusan dunia adalah perkara berbeza dengan urusan-urusan akhirat.
- ii. Kajian ini mempunyai kepentingan memandangkan tidak banyak kajian-kajian dan tokoh-tokoh yang menyuarakan pandangan Islam tentang permulaan alam semesta dan menyanggah pandangan umum dalam dunia sains tentang teori-teori penciptaan yang menafikan kewujudan pencipta.

- iii. Kajian ini penting untuk memberikan gambaran yang jelas kepada umat Islam bahawa persoalan asal usul alam semesta telah diterangkan oleh Allah dengan jelas sejak dari 15 kurun yang lalu di dalam al-Qur'an.
- iv. Kajian ini diharapkan akan dapat membuka minda masyarakat khususnya masyarakat Islam bahawa semua perkara yang datang dari Barat tidak semestinya benar dan baik, malah ia perlu diteliti dan dikaji terlebih dahulu.
- v. Kajian ini juga berharap dapat mendedahkan komplot-komplot dan perancangan-perancangan jahat golongan-golongan tertentu yang ingin memesongkan pemikiran dan akidah masyarakat dengan memutar belitkan fakta-fakta bagi menguatkan doktrin mereka.

1.7 Kajian literatur

Penulis mendapat sedikit sekali kajian yang dibuat berkenaan dengan tajuk ini, lebih-lebih lagi kajian tempatan. Kebanyakan kajian yang dibuat adalah tentang asal-usul kejadian manusia yang menyanggah teori evolusi Darwin. Penulis merasakan perlu perhatian yang lebih ditumpukan kepada permasalahan alam semesta kerana ia menjadi pokok persoalan sebelum kepada permasalahan asal usul manusia.

Antara penulis yang banyak membincangkan tentang permasalahan ini ialah penulis dari Turki bernama Adnan Oktar atau nama penanya Harun Yahya.

Beliau banyak menulis buku-buku dan artikel-artikel tentang penciptaan alam semesta seperti *The Creation of the Universe*, *The Miracle in the Atom* dan *Timelessness and the Reality of Fate*. Buku-buku ini amat meluas sebarannya di Malaysia dan mendapat sambutan yang baik. Ia juga terdapat dalam bentuk audio seperti kaset dan cakerâ padat. Penulis juga banyak merujuk kepada tulisan Zakaria Awang Soh, seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dua buah buku beliau, *Kecanggihan Alam Semesta : Antara Wahyu dengan Pengetahuan Sains* dan *Kejadian dan Keadaan Alam Semesta* merupakan dua buah buku kejadian alam yang amat baik.

Persoalan kewujudan dan penciptaan alam semesta ini banyak dikupas oleh tokoh-tokoh Barat. Malah isu-isu alam semesta sering kali menjadi topik utama di majalah-majalah terkemuka seperti *National Geographic*, *Newsweek*, *Newscientist* dan *Time*. Begitu juga buku-buku tentang alam semesta seperti *The First Three Minutes* karangan Steven Weinberg dan yang paling terkenal *A Brief History of Time* oleh Stephen Hawking.

1.8 Skop kajian

Pada dasarnya kajian ini menumpukan kepada teori-teori alam semesta yang telah dibuat dari dahulu hingga sekarang. Kajian menumpukan kepada teori-teori yang dianggap terkenal dan mempunyai ramai pendokong.

Kajian ini juga cuba meninjau kepentingan-kepentingan pihak-pihak tertentu disebalik formulasi teori-teori ini.

Penelitian dibuat terhadap ayat-ayat al-Qur'an tentang penciptaan alam semesta dengan menghuraikan secara terperinci tentang beberapa ayat-ayat yang dipilih. Penulis meneliti pandangan ahli-ahli tafsir tentang ayat-ayat ini.

Kajian ini juga meninjau pandangan tokoh-tokoh Islam, samada saintis atau ulama-ulama, tentang teori-teori penciptaan alam semesta menurut al-Qur'an serta pandangan mereka terhadap teori-teori moden.

Terjemahan kepada ayat-ayat al-Qur'an di dalam kajian ini adalah berdasarkan Tafsir Pimpinan Al-Rahman, terbitan Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri.

1.9 Metodologi penyelidikan

Penyelidikan ditakrifkan sebagai suatu kegiatan pengumpulan, pengolahan, penyajian dan analisa data yang dilakukan secara sistematis dan efisien untuk memecah sesuatu persoalan atau menguji hipotesa.⁸

⁸ Supranto M.A. (1971), *Metode Riset dan Aplikasinya di dalam Riset Pemasaran*, Bandung : Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, h. 13

Di dalam kajian ini, penulis akan menggunakan penyelidikan perpustakaan, iaitu pengumpulan data-data dan maklumat-maklumat kajian adalah berdasarkan buku-buku dan dokumentasi-dokumentasi tanpa melibatkan sebarang aktiviti lapangan.

3

Di dalam melakukan sesbuah pengkajian, pelbagai metode boleh digunakan. Metode penyelidikan yang akan digunakan di dalam kajian ini ialah

- i. Metode pengumpulan data
- ii. Metode pengolahan data
- iii. Metode analisis data

1.9.1 Metode pengumpulan data

Bermaksud pengumpulan data dalam rangka pengukuran dan pengujian hipotesa melalui proses observasi dan komunikasi.⁹ Metode ini adalah yang terpenting di dalam kajian ini kerana ‘bahan-bahan mentah’ untuk kajian dikumpulkan menerusi metode ini. Metode ini pula dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu

1.9.1.1 Metode dokumentasi

Pengumpulan data secara mengkaji dokumen yang berhubung dengan masalah yang dikaji. Dokumen bermaksud benda bertulis yang dapat memberikan berbagai-bagai keterangan. Dokumen terdiri dari gambar, potret, hukum-hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadilan

⁹ Winarno Surachmad (1080), *Pengantar Penelitian Ilmiah : Dasar, Metod dan Teknik*, Bandung : Penerbitan Tarsito, Edisi 7, h. 56

dan sebagainya.¹⁰ Melalui metode ini penulis mengumpulkan data-data melalui penelitian terhadap buku-buku berkenaan dengan kejadian alam semesta samada dari sudut teori moden iaitu teori sains dan juga ulasan-ulasan dari tokoh-tokoh agama dan saintis-saintis Islam.

3

1.9.1.2 Metode historis

Proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran gejala, peristiwa atau gagasan yang timbul pada masa lampau untuk menemukan generalisasi yang berguna dalam usaha untuk memahami kenyataan-kenyataan sejarah. Ia juga dapat digunakan untuk memahami situasi sekarang dan meramalkan perkara yang akan datang.¹¹ Penulis menggunakan metode ini apabila merujuk kepada kitab-kitab *turath* yang lama terutamanya kitab-kitab tafsir seperti kitab tafsir karangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan Ibn Kathīr.

1.9.1.3 Metode penyelidikan perpustakaan

Iaitu teknik di mana seseorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Metode ini merupakan metode yang paling banyak digunakan oleh penulis bagi mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat.

Perpustakaan-perpustakaan yang dikunjungi oleh penulis ialah

¹⁰ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP – IKIP, h. 55

¹¹ Winarno Surachmad (1980), *Op.cit.* h. 132

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur
2. Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Kuala Lumpur
3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
4. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur
5. Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur
6. Perpustakaan al-Malik Faisal, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan
7. Perpustakaan Awam, Kota Bharu, Kelantan
8. Perpustakaan Al-Qari, Kota Bharu, Kelantan
9. Perpustakaan Dar al-Zahra, Kota Bharu, Kelantan

1.9.2 Metode pengolahan data

Satu metode bagi menguji kebenaran sesuatu hipotesa melalui pengolahan data. Ia harus mencakup pengolahan dari sudut positif dan negatif.¹² Data-data yang terkumpul akan diolah sebagai satu persembahan kajian agar ia dapat difahami dan diteliti bagi tujuan analisis.

1.9.3 Metode analisis data

Suatu metode untuk menganalisis data atau membuat kesimpulan-kesimpulan dan ujaran-ujaran yang perlu.¹³ Melalui metode ini hasil kajian akan dapat dinilai iaitu melalui kesimpulan-kesimpulan dan rumusan-rumusan yang dilakukan. Termasuk di dalam metode ini ialah metode deduktif, metode induktif dan metode komparatif.

¹² *Ibid.*, h. 135

¹³ Imam Barnadib (1982), *Op.Cit*, h. 52 - 53

i. *Metode Induktif*

Metode ini adalah satu proses yang melibatkan perumusan data-data cerapan untuk menjadi konsep atau penjelasan umum.¹⁴ Melalui metode ini penulis menganalisis data melalui keadaan-keadaan yang bersifat khusus untuk sampai kepada kesimpulan yang umum. Contohnya di dalam menjelaskan konsep *ratq* dan *fatq* di dalam al-Qur'an. Kenyataan khusus ini dirumuskan dan dianalisis agar ia dapat difahami secara umum,

ii. *Metode Deduktif*

Deduktif pula ialah proses yang melibatkan konsep atau penjelasan umum dirumus semula untuk membuat ramalan.¹⁵ Melalui metode ini penulis menganalisis data berlandaskan kepada bukti umum terhadap keadaan-keadaan yang khusus. Contohnya konsep Bumi sebagai pusat alam. Penulis merumuskan semula data ini untuk membuat ramalan tentang tujuan Bumi ini dicipta dan rahsia-rahsia di sebaliknya.

iii. *Metode Komparatif*

Melalui metode ini penulis membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa melakukan kajian. Metode ini merupakan metode yang paling penting kerana melaluinya penulis membuat perbandingan di antara data-data sains dan al-Qur'an.

¹⁴ Hairuddin Harun (1992), *Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 69-70

¹⁵ *Ibid.*, h. 70

1.10 Sistematika penulisan

Bagi memberikan gambaran yang jelas tentang kajian ini, penulis telah membahagikan kajian ini kepada lima bab. Bab-bab tersebut ialah bab pengenalan, bab isi dan¹⁶ bab penutup. Sistematika yang digariskan di dalam disertasi ini ialah :

Di dalam bab pertama, penulis cuba menjelaskan latar belakang permasalahan yang menjadi asas utama bagi penulisan ini. Bab ini akan merangkumi pendahuluan, latar belakang masalah, definisi tajuk, sebab pemilihan tajuk, kepentingan dan objektif serta tinjauan terhadap kajian berkaitan, bidang, batasan dan metodologi kajian.

Dalam bab kedua pula, penulis menghuraikan tentang ilmu kosmologi secara umum. Bab ini akan memberikan sedikit sejarah perkembangan ilmu kosmologi di dalam tamadun manusia. Seterusnya penulis memperkenalkan pandangan-pandangan tokoh-tokoh falsafah dan sains sejak dari awal tamadun manusia hingga sekarang. Tumpuan akan diberikan kepada *Teori Letupan Besar*¹⁶ yang merupakan teori dominan di dalam dunia sains tentang kewujudan alam semesta.

¹⁶ Terjemahan istilah ini dipetik dari buku Stephen Hawking (2001), *Sejarah Ringkas Masa : Dari Letupan Besar Ke Lohong Hitam*, Terj. Abd. Khalik Hj. Sulaiman, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Istilah Letupan Besar di dalam bahasa Inggeris ialah *Big Bang*.

Seterusnya, di dalam bab ketiga, penulis meninjau pandangan-pandangan tokoh-tokoh Islam tentang teori penciptaan. Bab ini cuba menghurai ayat-ayat al-Qur'an tentang ciptaan dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli tafsir.

Di dalam bab keempat pula, penulis membuat perbandingan tentang kedua-dua aspek penciptaan iaitu dilihat dari sudut sains dan Islam. Aspek penciptaan dari sudut sains akan mengambil kira fakta-fakta sains moden manakala dari sudut Islam pula akan melihat huraian-huraian tokoh-tokoh agama dan ahli-ahli tafsir. Bab ini cuba mengeluarkan persamaan atau perbezaan yang ada antara kedua-dua sudut ini.

Akhir sekali, di dalam bab kelima, penulis membuat analisis, rumusan, kesimpulan dan saranan-saranan yang difikirkan perlu di dalam penulisan ini.

Melalui kajian ini, penulis berharap ia dapat memberi sedikit sebanyak pengetahuan dan membuka minda para pembaca khususnya masyarakat Islam tentang asal usul kejadian alam semesta. Penulis juga berharap agar kajian ini dapat dijadikan penangkis kepada serangan-serangan dakiyah golongan-golongan tertentu yang ingin memesongkan akidah umat Islam.

Penulis juga berharap agar usaha kecil penulis ini akan menjadi titik tolak kepada kajian yang lebih lengkap dan mendalam oleh penulis-penulis lain pada masa hadapan. Kajian yang mungkin kelihatan kerdil ini sebenarnya mempunyai kepentingan yang maha besar kerana rata-rata masyarakat Islam hari ini tidak menyedari dan tidak mempunyai maklumat tentang permulaan alam semesta ini.

Tidak cukup sekadar mereka mengetahui bahawa Allah yang menjadikan alam ini, malah mereka perlu tahu sifat-sifat dan tujuan-tujuan di sebalik penciptaan itu sendiri.

Di dalam rahsia-rahsia penciptaan alam ini terkandung rahsia-rahsia penciptaan manusia, tujuan, matlamat serta tugas mereka di alam ini. Pembongkaran rahsia kewujudan alam akan membawa manusia kepada hakikat sebenar penciptaan mereka.